

**KEBERKESANAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN MATAPELAJARAN
AKHLAK DI PUSAT BIMBINGAN ISLAM SULTAN ABDUL
HALIM MU'ADZAM SHAH**

**[THE EFFECTIVENESS OF TEACHING AND LEARNING OF AKHLAQ AS A
SUBJECT AT THE SULTAN ABDUL HALIM MU'ADZAM SHAH
ISLAMIC GUIDANCE CENTRE]**

Syahrul Faizaz Abdullah, Saudah Ahmad, Armanurah Mohamad,
Syahrina Abdullah, Noor Asma Jamaluddin

Universiti Utara Malaysia, Sintok, faizaz@uum.edu.my, saudah@uum.edu.my,
armanurah@uum.edu.my, syahrina@uum.edu.my, noorasma@uum.edu.my

DOI: <https://doi.org/10.51200/kitab.v2i2.7241>

ABSTRAK

Pusat Bimbingan Islam Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (PUSBA) berperanan sebagai pusat bimbingan mualaf yang menyediakan pengajaran Fardhu Ain, termasuk mata pelajaran Akhlak, bagi membentuk kefahaman dan pengamalan Islam yang sahih. Kajian ini bertujuan menilai keberkesanan pengajaran dan pembelajaran Akhlak dengan menggunakan Model CIPP, khususnya komponen proses dan produk. Kajian menggunakan pendekatan kualitatif melalui temu bual bersemuka dengan tenaga pengajar serta soal selidik latihan kefahaman kepada 16 orang pelatih. Data dianalisis secara deskriptif bagi menilai pencapaian dalam domain kognitif dan afektif. Dapatan menunjukkan empat kaedah pengajaran utama digunakan, iaitu syarahan, soal jawab, pembentangan berkumpulan dan bercerita. Analisis latihan kefahaman mendapati 62.5% pelatih mencapai tahap cemerlang, 18.75% baik dan 18.75% lemah. Temu bual turut menunjukkan kesan positif terhadap domain afektif, khususnya dari segi minat, kesedaran, keseronokan dan kepekaan emosi. Kajian menyimpulkan bahawa pengajaran Akhlak di PUSBA berkesan dan wajar dikekalkan, dengan penambahbaikan khusus bagi pelatih lemah.

Kata Kunci: Pengajaran dan pembelajaran akhlak, keberkesanan pengajaran, domain kognitif, domain afektif, bimbingan mualaf, pendidikan Islam

ABSTRACT

The Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah Islamic Guidance Centre (PUSBA) functions as a centre for the guidance of new Muslims, providing instruction in Fardhu 'Ain, including Akhlaq, to foster sound understanding and authentic practice of Islam. This study aims to evaluate the effectiveness of teaching and learning Akhlaq using the CIPP Model, with particular emphasis on the process and product components. A qualitative approach was employed through face-to-face interviews with instructors, complemented by comprehension exercises administered to 16 trainees. Data were analysed descriptively to assess achievement in the cognitive and affective domains. The findings indicate that four main instructional methods were applied: lecturing, question-and-answer sessions, group presentations, and storytelling. Analysis of the comprehension exercises shows that 62.5% of trainees achieved excellent scores, 18.75% good, and 18.75% weak. Interviews further revealed positive effects on the affective domain, particularly in terms of interest, awareness, enjoyment, and emotional engagement. The study concludes that the teaching and learning of Akhlaq

at PUSBA are effective and should be maintained, with targeted improvements to support weaker trainees.

Keywords: *Akhlaq teaching and learning, teaching effectiveness, cognitive domain, affective domain, muallaf guidance, Islamic education*

PENGENALAN

Akhlaq merupakan salah satu mata pelajaran yang penting dalam program bimbingan Fardhu Ain di Pusat Bimbingan Islam Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (PUSBA) kepada muallaf yang baru memeluk Islam di samping mata pelajaran Akidah, Fekah dan Tilawah al-Quran. Perkataan akhlak berasal dari perkataan Bahasa Arab yang bermaksud 'budi pekerti, perangai, tingkah laku dan tabiat. Menurut Kamus Dewan perkataan akhlak berasal dari perkataan Bahasa Arab (jamak bagi khuluk) budi pekerti, kelakuan, tabiat: (Kamus Dewan Edisi Keempat). Dari segi Istilah didefinisikan sebagai perilaku yang meresap ke dalam jiwa seseorang. Perilaku inilah yang menerbitkan perbuatan dengan perasaan senang dan mudah tanpa perlu kepada pemikiran dan pertimbangan. Menurut Istilah ilmu akhlak, perkataan akhlak memberi erti serumpun nilai dan sikap yang sebatu dalam diri seseorang itu. Baik atau buruknya sesuatu perbuatan atau sifat itu menurut seseorang adalah terletak kepada neraca yang digunakan oleh nilai dan sifat yang sebatu pada diri seseorang itu (Kamarul Azmi, Ab. Halim, 2019). Pendidikan akhlak merupakan perkara yang sangat dititikberatkan dalam Islam kerana sangat berkait rapat dengan Islam yang amat menekankan akhlak yang baik dan sempurna. Pendidikan akhlak yang baik perlu bermula dari awal lagi yang perlu dilaksanakan oleh ibu bapa. Tumpuan pengajaran dan pembelajaran adalah supaya akhlak yang baik dan sempurna dapat ditanamkan dalam pemikiran, hati dan diri para pelajar seterusnya menjauhkan mereka daripada akhlak yang terkeji (Kamarul Azmi dan Ab. Halim, 2019).

Dalam konteks bimbingan, sesi pengajaran yang baik akan memastikan keberkesanan program bimbingan. Aspek pengajaran merupakan satu proses yang merangkumi aktiviti-aktiviti perancangan, pelaksanaan, penilaian dan maklum balas (Shahabuddin Hashim et al., 2007). Sesi pengajaran yang baik perlu melibatkan kemahiran guru memadankan kaedah pengajaran dengan objektif pembelajaran pelajar dan gaya pembelajaran mereka. Kebanyakan kajian tentang keberkesanan program bimbingan Fardhu Ain kepada muallaf dibincangkan secara umum. Antaranya, kajian oleh Faezy et. al (2020) yang mengkaji secara menyeluruh modul yang telah digunakan dalam sesi pengajaran dan pembelajaran (P&P) kelas pengajian muallaf di Pusat Perlindungan Baitus Salam Selangor. Hasil kajian mendapati, analisis awal berkaitan modul pengajaran dan pembelajaran di Baitus Salam berada pada tahap yang baik dan memerlukan kepada beberapa penambahbaikan bagi memudahkan para pelajar memahami dan mengingat seterusnya mengamalkan ilmu-ilmu berkaitan agama Islam agar menjadi seorang Muslim yang terbaik. Yasmoon dan Razaleigh (2019) pula telah mengkaji tahap kepuasan muallaf terhadap kelas bimbingan agama yang dilaksanakan oleh Majlis Agama Islam dan adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK). Hasil kajian mendapati tahap kepuasan muallaf terhadap kelas bimbingan tersebut berada di tahap sederhana. Antara isu ialah faktor perbezaan umur, tempoh Pendidikan, tarikh pengislaman dan latar belakang Bahasa Ibunda.

Menurut kajian yang dilakukan oleh Syarul Azman Shaharuddin dan Razaleigh Muhamat @ Kawangit berkaitan sikap pembelajaran terhadap Pencapaian

Kursus Fardhu Ain dalam kalangan mualaf Cina di Jabatan Agama Islam Daerah Kajang menunjukkan bahawa sikap pembelajaran dalam kalangan responden adalah amat tinggi dan sebagai golongan yang baru memeluk agama Islam, mereka cenderung untuk mendapatkan apa jua maklumat serta ilmu berkaitan Islam terutama melalui proses pengajaran dan pembelajaran. Justeru, keperluan bagi mewujudkan sebuah modul pengajian mualaf yang bersifat menyeluruh adalah wajar untuk dibangunkan agar dapat merancakkan lagi proses pembelajaran mereka. Seterusnya, Ain Nathasha Omar et. al. (2017) di dalam kajian mengenai penerimaan mualaf dari aspek kaedah pengajaran, modul pelaksanaan pengajaran dan bahan pengajaran di IDIP. Hasil kajian mendapati bahawa tahap penerimaan mualaf terhadap modul pengajaran yang sedia ada di Institut Dakwah Islamiah Perkim (IDIP) mencatatkan nilai kefahaman yang rendah. Pengkaji turut mencadangkan agar kaedah pengajaran, modul serta bahan pengajaran diberi penambahbaikan agar dapat menghasilkan golongan mualaf yang celik pengetahuan agama. Namun demikian, modul pengajaran yang diterapkan di dalam silibus pengajian di IDIP hanya tertumpu kepada pengajian berteraskan akidah dan tidak mencakupi kepada keseluruhan aspek pendidikan asas kepada mualaf.

Kajian yang dijalankan oleh Azman Ab Rahman et. al (2015) mengenai persepsi mualaf terhadap pengisian pengislaman dan program pembangunan mualaf di Negeri Sembilan mendapati bahawa pengisian yang diberikan oleh pihak yang terlibat dalam menguruskan golongan mualaf adalah tidak mencukupi dan terdapat juga cadangan oleh responden berkenaan perlanjutan tempoh masa kursus tersebut. Pengkaji juga mencadangkan agar membuat penambahbaikan kepada modul dan jangka masa kursus. Oleh yang demikian, adalah wajar untuk membangunkan sebuah modul pengajian mualaf yang menyeluruh serta meliputi aspek kefahaman, amalan dan penghayatan golongan mualaf.

Didapati, terdapat kajian tentang keberkesanan pengajaran matapelajaran Bimbingan Fardhu Ain. Kajian oleh Syarul Azman Shaharuddin et. al. (2018) yang memfokuskan kepada matapelajaran Akidah mendapati bahawa tahap kefahaman akidah dalam kalangan mualaf di Negeri Selangor adalah pada tahap sederhana. Kajian jelas menunjukkan bahawa terdapat kekurangan dari aspek kefahaman golongan mualaf serta memerlukan kepada penambahbaikan agar keberhasilan pembelajaran dapat dicapai. Sungguhpun kajian yang dilakukan jelas menunjukkan terdapat kelompongan pada kefahaman golongan mualaf, namun kajian tersebut tidak memfokuskan kepada pembangunan modul pengajian mualaf yang menyeluruh. Justeru, ini menunjukkan bahawa menjadi suatu keperluan kepada pembangunan sebuah modul pengajian mualaf yang berstruktur kepada golongan mualaf bagi meningkatkan kefahaman mereka terhadap agama Islam. Manakala kajian oleh Ahmad (2020) tentang pengaruh bimbingan Tauhid dan Akhlaq terhadap keimanan Mualaf di Yayasan An-Naba Ciputat dan mendapati bimbingan Tauhid dan akhlak memberi pengaruh positif dalam meningkatkan tahap keimanan mualaf di Yayasan tersebut.

Berdasarkan dapatan kajian di atas, didapati kebanyakan kajian keberkesanan pengajaran dan pembelajaran program bimbingan Fardhu Ain lebih bersifat umum. Didorong oleh dapatan tersebut, kajian ini bertujuan mengenal pasti dan menganalisis keberkesanan Program Bimbingan Fardhu Ain di PUSBA dari aspek pengajaran dan pembelajaran Mata pelajaran Akhlak dalam program bimbingan mualaf. Analisis ini penting bagi menghasilkan cadangan yang menjurus kepada usaha memastikan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran Mata pelajaran Akhlak dan dapat mencapai objektif program bimbingan tersebut.

Pengenalan Organisasi Pusat Bimbingan Islam Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (PUSBA)

Resolusi oleh jawatankuasa bagi menangani gejala murtad dalam kalangan muallaf telah menjadi titik tolak kepada penubuhan satu pusat khusus bimbingan kepada muallaf di Kedah. Rentetan itu, Mesyuarat Majlis telah bersetuju untuk menubuhkan Pusat Bimbingan dan Latihan Saudara Baru pada 8 Mac 1998 dan mula beroperasi sepenuhnya pada 1 April 1999. Pada 12 Ogos 2008, pusat bimbingan ini telah ditukarkan nama kepada Pusat Bimbingan Islam Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (Majlis Agama Islam Negeri Kedah Darul Aman, 2019).

Program bimbingan fardu ain yang dilaksanakan oleh PUSBA dikenali sebagai Program Bimbingan Asas Kefahaman Islam. Program ini dilaksanakan berbentuk kelas pengajian selama 4 bulan bagi setiap sesi yang memerlukan pelatih tinggal di asrama yang disediakan di PUSBA. Setiap tahun pengajian terdiri daripada tiga sesi pengajian iaitu sesi Januari, sesi Mei dan sesi September. Peserta yang lulus akan diberikan Sijil Asas Kefahaman Islam. Selalunya peserta akan mengikuti kursus di PUSBA selama tiga semester tanpa had umur peserta. Peluang untuk menyertai pengajian di PUSBA adalah terbuka kepada semua muallaf dari semua negeri di Malaysia dan juga dari luar negara.

Selain itu, kelas pengajian berbentuk mingguan juga dilaksanakan oleh PUSBA kepada muallaf yang tidak dapat mengikut sesi pengajian di PUSBA kerana bekerja, berkahwin atau mempunyai komitmen lain. Sesi pengajian mingguan dilaksanakan sehari seminggu dan dibuka di tujuh daerah di Kedah, Sungai Petani, Baling, Kulim, Kubang Pasu, Pendang, Alor Setar dan Langkawi. Silibus yang digunakan untuk kedua-dua dikeluarkan oleh Majlis Agama Islam Negeri Kedah (MAIK) merangkumi pengajian Tauhid, Fikah, Akhlak, Sirah Rasulullah s.a.w, pelajaran asas-asas Tilawah Al-Quran dan asas-asas Tulisan Jawi (Informan 2, 2019).

Silibus bagi mata pelajaran akhlak merangkumi tajuk-tajuk berikut:

- | | |
|----------------------------|-----------------------------|
| 1. Peribadi Rasulullah SAW | 6. Akhlak terhadap jiran |
| 2. Akhlak terhadap Allah | 7. Persaudaraan dalam Islam |
| 3. Akhlak terhadap rasul | 8. Sifat-sifat Mahmudah |
| 4. Akhlak terhadap ibubapa | 9. Sifat-sifat Mazmumah |
| 5. Akhlak terhadap guru | 10. Pakaian dalam Islam |

Buku rujukan yang digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran Akhlak berdasarkan tahap pelatih. Kelas A bagi tahap permulaan menggunakan buku Indahnya Syariat karangan Ismail Kamus dan Buku Akhlak ke Arah Membangunkan Akhlak Ummah susunan Pengetua PUSBA. Kelas B bagi tahap lanjutan menggunakan Kitab Akhlak Mulia daripada Ahmad Fahmi Zam Zam.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk menilai keberkesanan program bimbingan PUSBA dari aspek Domain Pembelajaran Kognitif (Bloom, 1956), Afektif (Anderson dan Krathwol, 2001) Psikomotor (Harrow, 1975) berdasarkan Model Penilaian CIPP (Context, Input, Process, Product) (Sufflebeam, 1984). CIPP ditakrifkan sebagai singkatan context evaluation bermaksud penilaian terhadap konteks, input

evaluation yang bermaksud penilaian terhadap input, process evaluation yang bermaksud penilaian terhadap proses, product evaluation yang bermaksud penilaian terhadap produk atau keberhasilan. Tujuan utama model CIPP adalah untuk membantu pentadbir dalam melihat kepada keberhasilan dalam sesuatu program (Fadzil dan Jaleel, 2013). Dalam kertas kerja ini hanya dua aspek yang akan dibincangkan iaitu komponen proses, terdiri dari dua aspek kaedah pengajaran dan penilaian pengajaran dan pembelajaran. Manakala komponen produk merangkumi dua aspek iaitu analisis keputusan ujian bertulis dan refleksi tenaga pengajar PUSBA.

Kajian ini berbentuk kualitatif menggunakan teknik pengumpulan data secara temu bual bersemuka. Temu bual dijalankan bersama pengetua PUSBA dan pengajar Mata pelajaran Akhlak PUSBA dengan menggunakan protokol temu bual semi-berstruktur yang dibangunkan oleh penyelidik dan telah mendapat pengesahan dari pihak pakar. Pengkaji telah mempunyai sedikit informasi berkaitan kajian dari ulasan kesusasteraan untuk dijadikan sebagai panduan untuk membangunkan protokol temu bual secara semi berstruktur. Tenaga pengajar Mata pelajaran Akhlak dipilih berdasarkan kepakaran beliau dalam mata pelajaran yang ditawarkan dalam program bimbingan. Selain itu, beliau mempunyai hubungan secara langsung dan rapat dengan pelatih. Pengetua dipilih kerana informan ini menerangkan secara keseluruhan dengan mendalam dari segi pentadbiran dan bimbingan di PUSBA. Protokol temubual yang dibangunkan oleh penyelidik dan telah mendapat pengesahan dari pihak pakar. Protokol temu bual semi struktur dipilih kerana ia sesuai digunakan untuk mendapatkan data secara terus dari responden kajian (Isa dan Wahid, 2017) dan mampu mengutip data yang lebih kaya, bermakna dan mendalam (Wan Razali, 2015). Data temu bual telah diterjemah atau ditranskrip bagi mendapat maklumat yang tepat bagi menjawab persoalan kajian. Kaedah kuantitatif berbentuk penerokaan melalui Soalan Latihan digunakan untuk menilai tahap kefahaman pelatih terhadap kandungan kursus program bimbingan PUSBA bagi menjawab objektif pertama kajian. Soalan Latihan ini diadaptasi dari soalan dalam Buku Panduan dan Rekod Pencapaian Penilaian Perkara Asas Fardhu Ain (PAFA) Penilaian Menengah Rendah (PMR) dan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Mengikut perancangan soalan latihan akan dibahagikan kepada pre dan post. Walau bagaimanapun pada sesi 1 2020 ditangguhkan kerana Perdana Menteri mengisytiharkan Perintah Kawalan Pergerakan mulai 18 Mac 2020. Pelatih telah diminta pulang ke kediaman masing-masing. Soalan latihan telah diberikan kepada pelatih pada 22 Jan 2020 iaitu selepas mereka berada di PUSBA selama 3 minggu. Soalan Latihan Kefahaman pelatih PUSBA yang merangkumi 4 bahagian Soalan Fardhu Ain iaitu Tauhid, Fekah, Bacaan dalam solat dan akhlak. Setiap bahagian mengandungi lima soalan kecuali bacaan dalam solat yang mempunyai 12 soalan dengan 25 markah bagi setiap bahagian. Skor markah keseluruhan bagi soalan latihan adalah seperti berikut.

Skor permarkahan Ujian bertulis

Skor	Markah
Lemah	0-40
Sederhana	41-60
Baik	61-80
Cemerlang	81-100

Jawapan soalan latihan akan disemak berdasarkan kepada skema jawapan dan dianalisis berdasarkan skor yang diperolehi untuk menilai tahap kefahaman pelatih. Analisis akan hanya memfokuskan kepada skor markah bagi Matapelajaran Akhlak bagi menjawab objektif kertas kerja ini.

DAPATAN KAJIAN

Dapatan kajian dibahagikan kepada analisis proses dan produk P&P Mata pelajaran Akhlak.

1) Penilaian proses pengajaran dan pembelajaran matapelajaran Akhlak

Aspek proses dalam kajian ini akan membincangkan dari dua aspek iaitu kaedah pengajaran dan kaedah penilaian (pentaksiran) Mata pelajaran Akhlak.

Kaedah pengajaran terdiri dari kaedah berikut:

a. Kaedah Syarahan

Pada peringkat awal pengajaran, pengajar telah memberi syarahan dengan menggunakan nota photostat untuk mengajar topik-topik berkaitan akhlak. Contohnya topik adab dengan ibu bapa. Bahan photostat akan diedarkan kepada pelajar. Walau bagaimanapun pengajar mendapati penggunaan nota photostat kurang berkesan kerana pelatih seolah-olah tidak memberi perhatian kepada pelatih. Hal ini menyebabkan beliau menukar kepada penggunaan papan putih. Pelatih lebih memberi perhatian kerana mereka mendengar dan mencatat isi pengajaran yang ditulis di papan putih. Penyataan ini adalah seperti yang dikemukakan oleh Informan 1 dalam petikan berikut:

Contohnya hari tu saya nak mengajar tentang adab terhadap ibu bapa. Jadi saya akan photostat bahan itu, saya akan bagi kepada setiap pelajar lah. Cuma bila saya tengok satu sesi tu, saya tengok kaedah tu dia macam tak berapa nak berkesan Dr. Sebab bila kita photostat bahan ni Dr, mereka macam sekadar mendengar saya, saya bercakap, bahan dah ada. Haaa lepas tu mereka simpan bahan tu, baca pulak nak exam baru nak baca pulak (Informan 1, 2021).

b. Pembentangan Berkumpulan

Pengajar menggunakan kaedah pembentangan berkumpulan dengan meminta pelatih mencari maklumat berkaitan sesuatu topik. Mereka dipecahkan kepada beberapa kumpulan yang mengandungi empat hingga lima orang pelatih. Selepas perbincangan pelatih akan membentangkan dalam kumpulan. Penyataan ini adalah seperti yang dikemukakan oleh Informan 1 dalam petikan berikut:

Saya lebih apa, mintak mereka cari kisah-kisah tentang adab. Kalau selalunya saya, saya buat group la. Saya buat pecahan group. Group tu dalam tiga empat orang, jadi, jadi discuss lah, berbincang lah sama-sama. Kalau dalam group tu ada seorang yang lebih, lebih pandai, aaa dia akan, dia akan, cari yang, yang tepat lah. Jadi satu group mungkin saya bagi 5 ke 10 minit untuk bentang. Kebanyakannya tak sampai 5 minit lah. Dia cakap, cakap dengan lajunya (berbeza) kalau ada yang latar belakang pendidikan, contoh (pelatih ialah) Pegawai Askar (Informan 1, 2021).

c. Kaedah Soal-Jawab

Pengajar menggunakan kaedah soal-jawab semasa mengajar sama ada guru bertanyakan soalan atau murid bertanyakan soalan kepada guru. Selalunya pengajar akan mengemukakan soalan untuk mengetahui pengetahuan sedia ada pelatih. Penyataan ini adalah seperti yang dikemukakan oleh Informan dalam petikan berikut:

....saya lebih, kepada, yang pertamanya saya bukak soal jawab. Soal jawab ni, saya boleh bahagikan kepada dua lah, iaitu interaksi saya dengan pelajar. Pertama, saya soal pelajar, untuk saya dengaq jawapan mereka dulu, kan. Kadang-kadang kita tanya, contoh, aaa rukun Islam ada berapa? Saya nak dengaq dulu. Ada yang jawab 5, ada yang jawab 6, haaaa, untuk, untuk saya dapat tau dulu. Dan yang kedua, interaksi antara pelajar dengan saya, depa menyoal, saya pulak jawab (Informan 1, 2021).

Pendekatan kedua pengajar akan memberi peluang kepada pelatih untuk mengemukakan soalan. Walau bagaimanapun pelatih akan bertanyakan soalan di luar tajuk topik pengajaran. Antara soalan yang paling banyak ditanyakan ialah berkaitan dengan perkahwinan. Contohnya bagaimanakah cara berinteraksi dengan kekasih yang belum memeluk Islam. Pengajar kemudiannya akan mengaitkan dengan topik-topik yang dipelajari. Penyataan ini adalah seperti yang dikemukakan oleh Informan dalam petikan berikut:

Aaa jadi, apa soalan yang mereka keliru, yang mereka tak faham, saya akan suruh untuk mereka soal lah, supaya saya, saya menjawab dalam kelas. Tapi lebih kepada soalan isu-isu, isu-isu lain lah dan yang paling banyak bila saya bukak soalan tentang isu perkahwinan (Informan 1, 2021).

d. Kaedah Bercerita

Kaedah cerita turut digunakan oleh pengajar dalam menyampaikan pengajaran akhlak. Selalunya pengajar akan memilih kisah-kisah berkaitan adab Rasulullah SAW dengan isteri-isteri baginda atau dengan sahabat-sahabat baginda. Kemudian dihubungkan dengan kehidupan seharian mereka. Supaya mereka jelas dengan penerangan yang disampaikan. Selain itu pengajar juga suka membawakan cerita yang menyentuh perasaan pelatih. Supaya memberi kesan kepada mereka dan akan mendorong mereka untuk berdakwah kepada ahli keluarga selepas menamatkan pengajian di PUSBA. Penyataan ini adalah seperti yang dikemukakan oleh Informan dalam petikan berikut:

Jadi saya gemar, orang kata, ya, mencari kisah-kisah tentang bagaimana adabnya Nabi Muhammad terhadap isteri, adab Nabi Muhammad terhadap para sahabat. Cerita dulu bagi yang, yang manis-manis lah kita cerita kat depa Dr. Ya, kemudian saya relate kan dengan kehidupan seharian mereka. Lepas saya ambik kisah Nabi Muhammad tu, saya relate kan pulak dengan kehidupan mereka di asrama dengan kawan-kawan macam mana adabnya, supaya, supaya mereka nampak benda tu dengan lebih jelas. Jadi, saya, saya lebih gemar mencari topik-topik yang lebih menyentuh perasaan la Dr, supaya, bila mereka keluar PUSBA, mereka boleh, boleh tarik pulak ahli keluarga, untuk, untuk masuk Islam (Informan 1, 2021).

Hasil analisis menunjukkan pengajar Mata pelajaran Akhlak telah menggunakan kaedah kuliah, pembentangan berkumpulan, soal jawab dan bercerita. Pengajar juga telah mengubah atau mengubah suai kaedah yang digunakan bergantung kepada respons pelatih. Kaedah yang digunakan oleh tenaga pengajar ini selari dengan dapatan Ab. Tamuri et. al.(2004) berkaitan kaedah yang sesuai diguna pakai dalam P&P Akhlak Islamiyah. Penggunaan kaedah kuliah juga selaras dengan kajian Nurul Syuhada, Fathiyah dan Asmawati (2016), bahawa pendekatan kuliah dapat memberi penjelasan yang mendalam tentang tajuk yang ingin disampaikan dan memudahkan murid dalam memahami isi pengajaran guru yang bersifat sehalu. Menurut Kamarul, Noratikah dan Mohd Faiz (2012), walaupun kadang-kadang pelajar akan merasa bosan dengan kaedah ini tetapi jika ia disusun dengan baik dan disampaikan dengan baik ia akan menjadi pengajaran yang berkesan. Penggunaan kaedah bercerita dalam pengajaran akhlak selari dengan kajian Kamarul Azmi dan Ab. Halim (2019) yang mendapati bahawa kaedah bercerita adalah salah satu cara al-Quran memberi didikan akhlak kepada manusia. Pendekatan yang mengambil kira tahap pelajar juga membantu untuk menjamin keberkesanan teknik pengajaran.

2) kaedah penilaian

Terdapat dua kaedah penilaian yang digunakan untuk menilai tahap pelatih iaitu:

a. Penilaian berterusan dalam kelas

Hasil analisis mendapati pengajar telah menggunakan kaedah penilaian yang berterusan dalam kelas. Ini bertujuan bagi memastikan pelatih faham dengan isi pengajaran yang di sampaikan. Terdapat beberapa kaedah yang digunakan untuk menilai kefahaman iaitu kaedah soal-jawab, kuiz atau Latihan bertulis. Penyataan ini adalah seperti yang dikemukakan oleh Informan dalam petikan berikut:

“Jadi kita akan, hari-hari kita dengan, dengan mereka dalam kelas Dr. Jadi dari segi, aaa kita tengok depa dari segi pertanyaan pun, kita dah boleh nilai dah, pelajar ni, dia boleh, benda yang kita soal dia boleh teruih jawab on the spot kan, jawapan dia tu pun betoi (Informan 1, 2021).

b. Peperiksaan Akhir

Peperiksaan akhir juga digunakan untuk menilai tahap pelatih di akhir sesi pengajian. Peperiksaan akhir berbentuk ujian bertulis (berbentuk objektif dan subjektif) dan ujian lisan (syafawi). Ujian bertulis digunakan untuk menilai tahap kefahaman pelatih. Terdapat juga ujian bertulis yang terpaksa ditanya secara lisan kepada pelatih yang buta huruf atau yang tidak dapat membaca tulisan rumi kerana pelatih dari luar negara contohnya dari Thailand.

Keputusan dalam peperiksaan akhir akan menentukan pelatih layak untuk menamatkan pengajian di peringkat tersebut dan menerima sijil serta menentukan pelatih dapat menyambung pengajian di tahap lanjutan. Penyataan ini adalah seperti yang dikemukakan oleh Informan 2 dalam petikan berikut:

“Satu sesi dia dapat sijil dah. Dia terima sijil asas la. Kita buat majlis..majlis penutup ada penyampaian sijil apa semua. (Informan 2, 2019)

Penilaian yang dilaksanakan untuk menilai tahap pencapaian pelatih telah dirancang dengan baik. Tenaga pengajar telah melaksanakan pentaksiran secara

sumatif dan formatif untuk menilai tahap pelatih. Pentaksiran sumatif berbentuk peperiksaan akhir juga dilaksanakan untuk menilai tahap pencapaian pelatih di akhir setiap sesi. Penggunaan pentaksiran bentuk ini ada kelemahannya kerana ujian sumatif tidak berupaya mengukur keseluruhan pencapaian pelajar terutamanya berkaitan pencapaian kemahiran generik (Azizi dan Kamisah 2018). Pentaksiran formatif pula dapat menilai secara berterusan dalam kelas bagi memastikan tahap pelatih dan tindakan susulan untuk memperbaiki keadaan tersebut. Ini selari dengan kajian Azizi dan Kamisah (2018) selepas ujian formatif guru perlu memberi maklumbalas segera dalam memperbaiki pencapaian pada domain pengetahuan, psikomotor dan afektif mengikut hasil pembelajaran.

3) Penilaian produk pengajaran Akhlak

Hasil analisis data temu bual mendapati dari segi kognitif pelatih mengetahui bahawa akhlak-akhlak yang baik dalam Islam. Mereka mengetahui tentang sirah Rasulullah SAW dan akhlak baginda. Selain itu mereka memahami perlu menghormati ibu bapa yang tidak beragama Islam. Penyataan ini adalah seperti yang dikemukakan oleh Informan 1 dalam petikan berikut:

Walaupun mak ayah mereka bukan beragama Islam. Itu tidak, orang kata apa, menjadikan, membuatkan mereka harus kurang ajar dengan mak ayah kan. Selagi mana mak ayah tu tak menyuruh mereka membuat perkara yang bertentangan dengan syariat Islam. Mereka perlu menghormati arahan daripada mak ayah. Soalan yang tentang mak ayah ni memang selalu. Mereka jadi, ehkkh betoi ka aku, aku boleh buat baik ka dengan mak ayah aku, mak ayah aku bukan Islam lagi (Informan 1, 2021)

Pelajar juga memahami isi kandungan pengajaran apabila mereka boleh menjawab soal jawab yang dikemukakan. Penyataan ini adalah seperti yang dikemukakan oleh Informan 1 dalam petikan berikut:

Soal jawab, selalunya yang, yang boleh menjawab ni, kita tengok dia dalam kelas, apa, pelajar tu seorang yang aktif la kita tenggok. Jadi apa yang kita soal tu, yang dia jawab memang tepat lah. Ada pelajar, kita sini dia banyak bangsa Dr (Informan 1, 2021).

Analisis mendapati berdasarkan temubual pencapaian pelatih dari segi afektif pelatih menyedari mereka perlu menghormati ibu bapa dan bertanggungjawab untuk mengajak mereka memeluk Islam. Dan pelatih rasa seronok apabila mendengar kisah-kisah Rasulullah SAW dan tentang adab dan akhlak baginda. Selain itu, mereka berasa seronok mempelajari topik dalam kelas dengan dorongan dari pengajar untuk mereka berdakwah kepada ibu bapa tentang Islam hingga memeluk Islam. Penyataan ini adalah seperti yang dikemukakan oleh Informan 1 dalam petikan berikut:

Apa, antaranya mereka macam, macam baru sedaq kata ooo macam tu dan saya selalu maklum kata tugas mereka pulak lah untuk, orang kata apa, macam menyampaikan dakwah, tarik supaya bagi mak ayah pulak ataupun ahli keluarga pulak untuk masuk Islam kata. Jangan datang PUSBA lepas tu diam, kamu pun diam, balik rumah pun diam. Jadi Islam tu tak tersebar kepada mak ayahnya. Jadi saya lebih kepada

suruh mereka menarik slow-slow kan. Cerita tentang keseronokkan Islam, tentang indahnya Islam kepada mak ayah. Mungkin dengan cara itu, mak ayah mereka berminat untuk masuk Islam, jadi mereka jadi macam seronok lah (Informan 1, 2021).

Pelatih juga menunjukkan rasa minat terhadap isi pengajaran. Terutamanya apabila pengajar menggunakan kaedah penceritaan. Pelatih akan memberikan perhatian sepenuhnya kepada isi pengajaran. Pelatih juga didapati tersentuh dengan cerita-cerita yang disampaikan oleh pengajar. Pernyataan ini adalah seperti yang dikemukakan oleh Informan 1 dalam petikan berikut:

Mereka lebih gemar untuk mendengar lah, bila saya bukak cerita ja Dr, masing-masing mata semua, semua pandang saya lah, haaaa. Ya mereka berminat, minat, tentang kisah bila saya sebut depa tentang kisah Nabi Muhammad. Nabi Muhammad tu sapa, siapa bagi kenai dulu. Bagi kenai dulu sapa Nabi Muhammad, lepas tu yang mana akhlak, adab Nabi Muhammad ni kita cerita semua. Kira, kira mereka nampak macam satu benda yang seronoklah, rasa indah, syok tengok adab-adab Nabi Muhammad ni (Informan 1, 2021).

Manakala hasil analisis skor keseluruhan Latihan Kefahaman Akhlak, didapati terdapat 10 orang pelatih mendapat skor cemerlang, tiga orang pelatih mendapat skor baik dan skor lemah. Terdapat tiga soalan untuk menguji domain kognitif untuk mengetahui kefahaman pelatih tentang jasa ibu bapa, memberi contoh akhlak baik dan akhlak buruk. Hasil analisis mendapati 14 orang pelatih telah mendapat skor cemerlang bagi kefahaman jasa ibu bapa dan hanya dua orang pelatih mendapat skor rendah. Bagi soalan mengenai akhlak baik, 13 orang pelatih mendapat skor cemerlang, seorang mendapat skor sederhana dan dua orang pelatih mendapat skor lemah. Manakala skor bagi soalan berkaitan contoh akhlak buruk 12 orang pelatih mendapat skor cemerlang, seorang pelatih masing-masing mendapat skor baik dan lemah dan dua orang pelatih mendapat skor sederhana.

Bagi soalan untuk menguji domain afektif pelatih iaitu soalan berkaitan cara menghormati Ibu bapa dan cara mentaati ibu bapa. Analisis mendapati terdapat 13 orang pelatih mendapat skor cemerlang bagi cara menghormati ibu bapa, dua pelatih mendapat skor sederhana dan seorang pelatih mendapat skor lemah. Manakala bagi soalan berkaitan cara mentaati ibu bapa analisis mendapati terdapat 11 orang pelatih mendapat skor cemerlang, seorang mendapat skor sederhana dan dua orang mendapat skor lemah.

Berdasarkan kepada analisis, dapat dirumuskan terdapat keberkesanan pengajaran dari segi kognitif dan afektif. Walau bagaimanapun tahap pencapaian pelatih berbeza disebabkan perbezaan tahap di antara setiap pelajar. Ini disebabkan beberapa faktor seperti tahap pendidikan dan Bahasa Ibunda. Dapatan ini selari dengan kajian Faezy et. al (2020) yang mendapati bahawa isu yang berkaitan keberkesanan P&P ialah tahap pendidikan mualaf, tempoh pengajian dan tahap umur serta etnik dan kefahaman yang berbeza, tiada silibus dan kurikulum yang khusus dan sistematik, tahap penguasaan Bahasa Melayu, kepadatan jumlah pelajar di dalam kelas pengajian dan sikap Penghuni Baitus Salam. Dapatan ini juga bertentangan dengan dapatan Mohamad Zaid Mohd Zain (2004) menyatakan melalui hasil dapatan kajian beliau bahawa kesan pendidikan agama dalam kalangan mualaf masih belum mencapai tahap yang boleh dibanggakan. Justeru, beliau mencadangkan pihak berwajib perlu merancang program pendidikan yang lebih

sistematik dan juga menyelaraskan modul pendidikan untuk mualaf. Maka dengan itu, program pendidikan dan pengajaran agama dalam kalangan mualaf ini perlu dilaksanakan selaras dengan keperluan dan kehendak mualaf.

RUMUSAN

Berdasarkan kepada analisis, dapat dirumuskan bahawa tenaga pengajar mata pelajaran Akhlak telah menggunakan kaedah yang sesuai bagi P&P mata pelajaran ini dan telah memberi kesan kepada domain pembelajaran kognitif dan afektif pelatih PUSBA. Kertas kerja ini mencadangkan tenaga pengajar mengekalkan kaedah-kaedah pengajaran Akhlak dalam P&P. Di samping itu, pengajar haruslah cuba mengenal pasti kaedah yang boleh membantu pelatih yang lemah agar dapat memberi kesan yang maksimal kepada pelatih PUSBA sama ada kepada domain pembelajaran kognitif atau afektif

PENGHARGAAN

Artikel ini adalah sebahagian dari hasil penyelidikan di bawah Geran Lembaga Zakat Negeri Kedah melalui Institut Penyelidik Inovasi Zakat (IPIZ) Universiti Utara Malaysia bertajuk **KEBERKESANAN PROGRAM BANTUAN MUALAF DI PUSAT BIMBINGAN DAN LATIHAN SAUDARA BARU (PUSBA)** Kod S/O 14277

RUJUKAN

- Ain Nathasha Omar, Mariam Abd. Majid, & Noraini Mohamad. (2017). *Penerimaan Terhadap Pelaksanaan Pengajaran Di Institut Dakwah Islamiah Perkim (IDIP)*. Paper presented at the Persidangan Antarabangsa Pengajian Islamiyyat Kali Ke-3 (IRSYAD2017).
<http://conference.kuis.edu.my/irsyad/images/e proceeding/2017/1012.pdf>
- Ab. Halim Tamuri, Mohd Faiz Ismail dan Kamarul Azmi Jasmi. (2004). *Keberkesanan P&P Pendidikan Islam Ke Atas Pembangunan Diri Pelajar*. Laporan Penyelidikan Fakulti Pendidikan UKM dan Jabatan Pendidikan dan Moral (JAPIM), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)
- Azman Ab. Rahman, Irwan Mohd Subri, Mahazan Abdul Mutalib @ Taib, Wan Mohd Fazrul Azdi Wan Razali, Nuradli Ridzwan Shah Mohd Dali, Rose Irnawaty Ibrahim, & Norlina Ismail. (2015). Persepsi mualaf terhadap pengisian pengislaman dan program pembangunan mualaf: Kajian di Negeri Sembilan. *Journal of Fatwa Management and Research*, 6(1), 135-148. Retrieved from <https://jfatwa.usim.edu.my/index.php/jfatwa/article/view/78>
- Azizi Alias, Kamisah Osman. (2018). *Pentaksiran Alternatif: Pembinaan dan Pelaksanaan Rubrik dalam Pendidikan Sains*. Bangi: Penerbit UKM.
- Faezy Adenan, Mohd Afandi Mat Rani, Mohd Izzat Amsyar, Mohd Arif Azri Bhari, Asmaa' Mohd Arshad, & Siti Afifah Mat Rani. (2020). Analisis Modul Pengajaran Dan Pembelajaran (P&P) Kelas Pengajian Di Pusat Perlindungan Baitus Salam Selangor. *Jurnal Kesidang*, 5(1), 19-30. Retrieved from <https://journal.kuim.edu.my/journal/index.php/JK/article/view/763>
- Haziyah Hussin, Nor Farhana Abdul Rahman, Najah Nadiyah Amran and Adawiyah Ismail Amalan Pentaksiran Alternatif dalam Program Pengajian Islam di Universiti Kebangsaan Malaysia dalam mendepani Cabaran Pandemik COVID-19. *ISLĀMIYYĀT* 43(1) 2021: 3 - 14 2021 Vol. 43 Issue 1 Pages 11
- Informan 1. (2021, 20 Januari). *Pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran Program Bimbingan di PUSBA [Interview]*.

- Informan 2. (2019, 13 Februari). *Pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran Program Bimbingan di PUSBA [Interview]*.
- Isa, M., dan Wahid, H. (2017). Peranan Institusi Pengajian Tinggi dalam Pembangunan Pendidikan Asnaf Mualaf: Kajian Kes Kolej Dar al-Hikmah. In. Kamarul Azmi Jasmi and Ab Halim Tamuri. (2019). *Pendidikan Islam: Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran*. Publisher: Penerbit UTM Press 2019 7 edn.
- Majlis Agama Islam Negeri Kedah Darul Aman. (2019). PUSBA Retrieved from <https://maik.kedah.gov.my/index.php/pusba-hubungi-kami/>
- Masnih Mustafa, Nur Aimie Syarmimi Jaafar, & K. Ali. (2017). *Management of Dakwah Towards Mualaf: A Case Study at Kompleks al-Saadah, Seremban*. Paper presented at the International Conference on Social Sciences and Humanities (ICOSAH), Open University of Malaysia.
- Mohamad Fadzil Che Amat & Abdul Jaleel Abdul Hakeem. (2013). Menilai Keberkesanan Pelaksanaan Program Diploma Perguruan Lepas Ijazah Pendidikan Sejarah Sekolah Rendah Di Institut Pendidikan Guru Kampus Pulau Pinang. *Seminar Pendidikan Sejarah dan Geografi*.
- Shahabuddin Hashim, Rohizani Yaakub, & Mohd. Zohir Ahmad. (2007). *Pedagogi: Strategi Dan Teknik Mengajar Dengan Berkesan*. Shah Alam, Malaysia: PTS Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Syarul Azman Shaharuddin, Hanis Najwa Shaharuddin, Muhammad Yusuf Marlon Abdullah, & Mustafa Kamal Amat Misra. (2018). Tahap Kefahaman Akidah dalam Kalangan di Negeri Selangor. *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah*, 5(1), 82-91. Retrieved from http://journal.kuis.edu.my/jsass/images/files8/jsass_vol5bil1_007_syarulazman.pdf
- Yasmoon Mohamed, & Razaleigh Muhamat@Kawangit. (2019). Tahap Kepuasan Mualaf Terhadap Pengurusan Kelas Bimbingan Agama Oleh Majlis Agama Islam Kelantan (Maik). *Al-Hikmah*, 11(2), 88-98. Retrieved from <https://spaj.ukm.my/jalhikmah/index.php/jalhikmah/article/view/373>